

**Sikap dan Amalan Terhadap Penggunaan Statistik Perubatan Dalam
Kalangan Ahli Terapi Carakerja Kuala Lumpur**
(Attitude and Practice Towards the Utilization of Medical Statistics Among Occupational
Therapists in Kuala Lumpur)

HANIF FARHAN MOHD RASDI* & KUA JEE MIN

ABSTRAK

Statistik perubatan adalah merupakan satu subjek penting dalam semua jurusan perubatan dan sains kesihatan, termasuklah terapi carakerja. Walaubagaimanapun, sehingga kini, sejauh mana penggunaan statistik perubatan dalam amalan terapi carakerja di Malaysia masih tidak diketahui. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana sikap dan amalan ahli terapi carakerja terhadap penggunaan statistik perubatan dalam amalan klinikal. Seramai 106 orang ahli terapi carakerja yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur telah mengambil bahagian dalam kajian keratan rentas ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kadar respon bagi kajian ini adalah sebanyak 70.6%. Borang soal selidik sikap dan amalan terhadap penggunaan statistik perubatan telah dibina oleh penyelidik yang mengandungi 20 soalan sikap dan 15 soalan amalan. Secara umumnya, responden menunjukkan sikap yang positif terhadap statistik perubatan (51.18 ± 6.69). Walaubagaimanapun, tahap amalan statistik perubatan dalam kalangan ahli terapi carakerja secara umumnya masih berada pada tahap yang minima (33.53 ± 10.17). Berdasarkan korelasi Pearson, terdapat hubungan positif yang signifikan antara sikap dan amalan ahli terapi carakerja terhadap statistik perubatan ($r = 0.33, p = 0.001$). Sebilangan besar ahli terapi carakerja di Kuala Lumpur mempunyai sikap yang positif terhadap statistik perubatan. Bagi meningkatkan lagi penggunaan statistik perubatan dalam amalan klinikal, kajian lanjutan bagi mengenalpasti strategi untuk meningkatkan penggunaan statistik perubatan adalah sangat digalakkan.

Kata kunci: biostatistik; amalan berteraskan bukti; rehabilitasi

ABSTRACT

Medical statistics is a compulsory subject for all medical and health sciences, including occupational therapy. However, to date, the utilization of medical statistics in occupational therapy clinical practice in Malaysia is still unknown. Therefore, this study aimed to assess the attitude and practice of using medical statistics among occupational therapists in their clinical practice. A total of 106 occupational therapists around Klang Valley participated in this cross-sectional study based on purposive sampling. The response rate for this study was 70.6%. The attitude and practice towards medical statistics questionnaires was developed by the researcher, consisting of 20 questions of attitude and 15 questions of practice. In general, the respondents show positive attitude towards medical statistics (51.18 ± 6.69). However, practice score is generally minimal with most of the respondents reported seldom use of medical statistics into practice (33.53 ± 10.17). Pearson correlation test revealed a significant positive association between attitude and practice with ($r = 0.33, p = 0.001$). A substantial number of practicing occupational therapists in Klang Valley appeared to have positive attitudes towards medical statistics. In order to improve the use of medical statistics in clinical practice, future studies that investigate strategies to promote the use of medical statistics among occupational therapists is highly recommended.

Keywords: biostatistics; evidence-based practice; rehabilitation

PENGENALAN

Secara umumnya, statistik perubatan merupakan komponen saintifik yang paling asas dalam penyelidikan kesihatan. Statistik perubatan sebenarnya telah diiktiraf sebagai salah satu cabang dalam bidang statistik selama 40 tahun di United Kingdom (Dodge 2006). Secara umumnya, statistik perubatan adalah merangkumi kaedah untuk merumus,

mengumpul, menyampaikan dan mentafsir data berkaitan perubatan, serta menggunakan maklumat yang diperolehi untuk membuat anggaran perbezaan, perkaitan dan peramalan melalui kaedah pengujian hipotesis. Dengan berkembangnya bidang statistik perubatan, ia bukan sahaja membantu dalam menyusun maklumat yang banyak secara lebih formal, malah ia juga dapat mengambil kira banyak perubahan yang wujud dalam proses biologi

(Betty & Jonathan 2003). Dalam era globalisasi ini, penyelidikan dan pembangunan (R&D) memainkan peranan yang penting dan menjadi indikator kepada kemajuan sesuatu bidang, termasuklah terapi carakerja. Penyelidikan adalah merupakan suatu kemestian, bukan sahaja dalam proses penambahbaikan sesuatu servis atau produk, malah juga penting bagi meningkatkan tahap ilmu pengetahuan berkaitan rawatan terapi carakerja dalam bidang klinikal (Waine et al. (1997). Kemajuan dalam penyelidikan dan pembangunan yang pesat merupakan salah satu faktor penyumbang kepada kemajuan ekonomi sesebuah negara (Norazida & Hasnah 2013). Tambahan pula, terdapat peningkatan dalam bilangan jurnal kepunyaan Malaysia yang mendapat liputan dalam Scopus, sebuah pangkalan data terbesar di antarabangsa. Peningkatan nyata daripada 53 tajuk pada tahun 2011 meningkat kepada 78 tajuk pada tahun 2015, antaranya 13 tajuk merupakan jurnal perubatan (Abrizah 2016). Para pengamal dalam bidang kesihatan adalah diharapkan dan seharusnya banyak membaca jurnal perubatan untuk memastikan pengetahuan diri dalam bidang kesihatan adalah seiring dengan pembangunan perubatan terkini (Wulff et al. 1987).

Penguasaan statistik perubatan yang lemah memaparkan keyakinan yang rendah dan kebolehan yang terhad untuk memahami sesebuah literasi perubatan sepenuhnya (Windish et al. 2007). Hasil kajian daripada beberapa penyelidik lain turut menyokong dapatan kajian ini (Bookstaver et al. 2012; Scheutz et al. 1988; Wulff et al. 1987). Di samping itu, melihat kepada tahap kesedaran kepentingan statistik perubatan dalam kajian-kajian yang lepas, ramai yang berpendapat bahawa pengetahuan mereka dalam bidang statistik perubatan masih terhad, dan berminat untuk menyertai latihan tambahan sekiranya disediakan (Khaliq et al. 2012). Namun, ada juga responden yang berpendapat statistik perubatan kurang berkaitan dengan amalan kerja seharian (Mehrdad et al. 2008). Peningkatan kualiti dalam penggunaan kaedah statistik perubatan dalam kajian adalah jelas dan nyata (Abrizah 2016), tetapi pemahaman para pembaca, khususnya dalam kalangan pegawai perubatan, doktor pergigian, jururawat, dan pegawai farmasi terhadap analisis statistik adalah masih terhad. Kenyataan ini turut disokong oleh beberapa hasil kajian lepas dari luar negara (Bookstaver et al. 2012; Scheutz et al. 1988;

Wulff et al. 1987). Walaubagaimanapun, kajian-kajian seumpama ini masih baru di Malaysia.

Sebahagian besar kaedah diagnosis dan terapeutik adalah berdasarkan kepada penerbitan dalam jurnal saintifik. Kesilapan mentafsir keterangan analisis statistik, sama ada oleh pengarang atau pembaca, boleh membawa kesan yang buruk dalam amalan klinikal. Sekiranya para pembaca mempunyai pemahaman asas dalam statistik perubatan, ia amat membantu dalam pentafsiran analisis kajian dan membuat justifikasi klinikal. Oleh sebab itu, kajian ini telah dilaksanakan untuk mengkaji sejauh mana sikap dan amalan ahli terapi carakerja di Malaysia terhadap penggunaan statistik perubatan.

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah kajian soal selidik yang berbentuk kajian keratan rentas terhadap ahli terapi carakerja yang bekerja di beberapa hospital kerajaan dan swasta sekitar Kuala Lumpur. Kriteria inklusi kajian ini meliputi ahli terapi carakerja yang mempunyai pengalaman kerja melebihi satu tahun, warganegara Malaysia, mendapat pendidikan formal dalam bidang terapi carakerja di institusi pengajian awam atau swasta di Malaysia serta menjalankan khidmat klinikal sebagai tugas hakiki.

Persampelan

Seramai 106 orang ahli terapi carakerja telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Saiz sampel yang dipilih ini berpadanan dengan saiz populasi kajian menurut pengiraan penentuan saiz sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), dengan selang keyakinan 95% dan tahap anggaran ketepatan 5%. Saiz sampel populasi yang ada adalah 150 orang. Dengan mengambil kira 10% keciciran responden, kami akan mendapatkan sampel seramai 106 orang.

Prosedur Kajian

Sebelum memulakan kajian, penyelidik telah mendapatkan kelulusan etika penyelidikan daripada pihak Sekretariat Penyelidikan dan Inovasi UKM (NN-2016-072) dan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan KKM (NMRR-17-150-34091). Kemudian, saringan telah dijalankan untuk mendapatkan subjek yang memenuhi kriteria inklusi. Dengan persetujuan daripada subjek, penerangan yang lebih lanjut mengenai

tujuan dan perjalanan kajian telah diberikan dengan mengagihkan borang maklumat kajian dan pengisian borang persetujuan secara manual. Selepas memperolehi persetujuan daripada responden, borang soal selidik diedarkan. Responden dikehendaki untuk menjawab borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian, iaitu data demografik, sikap dan amalan terhadap statistik perubatan. Hasil keputusan kemudiannya disemak selepas borang soal selidik dipulangkan kepada pihak penyelidik dalam tempoh dua minggu.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik kajian ini dibangunkan oleh pihak penyelidik untuk kajian ini. Soalan-soalan juga disesuaikan mengikut konteks tempat kerja di Malaysia serta pembelajaran dan pengajaran kursus statistik perubatan dalam bidang terapi carakerja di peringkat kolej atau universiti. Borang soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian: a) Ciri-ciri sosiodemografik responden, b) Soal selidik sikap terhadap penggunaan statistik perubatan dan c) Soal selidik amalan penggunaan statistik perubatan.

Kesahan muka diperoleh melalui 10 orang ahli terapi carakerja yang sedang berkhidmat di Hospital Seremban. Kesahan kandungan pula diperoleh melalui semakan borang soal selidik oleh dua orang pensyarah UKM yang mengajar kursus statistik perubatan. Pengubahsuaian yang sewajarnya telah dibuat berdasarkan kepada komen penambahbaikan daripada pakar-pakar yang terlibat.

Analisis Statistik

Data yang diperolehi telah dianalisa menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 25. Nilai kebolehppercayaan konsistensi dalaman dinilai menggunakan nilai alfa Cronbach. Setelah data diperolehi, nilai purata, sisihan piawai dan taburan data bagi tahap sikap dan amalan penggunaan statistik perubatan dinilai menggunakan analisis deskriptif. Bagi mengenalpasti sejauh manakah hubungan antara sikap dan amalan statistik perubatan dalam bidang klinikal ahli terapi carakerja, analisis inferensi korelasi Pearson digunakan kerana taburan data adalah normal.

HASIL KAJIAN

Ciri-Ciri Sosiodemografi Responden

Pada peringkat awal, kajian ini telah mendapat respon daripada 113 orang responden.

Walaupun bagaimanapun, tujuh orang daripada jumlah ini telah dikecualikan kerana tidak melengkapi borang soal selidik. Jumlah data yang lengkap adalah 106 secara keseluruhannya dengan kadar respon sebanyak 70.6%.

Analisis deskriptif telah dijalankan untuk menunjukkan taburan data demografik 106 responden (Jadual 1). Daripada jumlah itu, 46 (43.4%) orang adalah wanita, manakala 60 (56.6%) orang adalah lelaki. Majoriti responden iaitu 76 (71.7%) orang mempunyai kelulusan diploma dalam bidang terapi carakerja dan berkhidmat sebagai jurupulih carakerja, manakala 30 (28.3%) orang mempunyai kelulusan ijazah sarjana muda dan ke atas, dan berkhidmat sebagai pegawai pemulihan carakerja.

Konsistensi Dalaman Dan Analisis Deskriptif Soal Selidik

Konsistensi dalaman telah diukur bertujuan untuk menentukan nilai kebolehppercayaan bagi soal selidik sikap dan amalan terhadap penggunaan statistik perubatan ($N=106$). Bahagian sikap memperoleh nilai Alfa Cronbach sebanyak 0.80, menunjukkan ia mempunyai konsistensi dalaman yang tinggi. Bahagian amalan memperoleh nilai Alfa Cronbach sebanyak 0.941, menunjukkan ia mempunyai konsistensi dalaman yang tinggi. Secara umumnya, responden menunjukkan sikap yang positif terhadap statistik perubatan pada setiap soalan yang berkaitan. Walaupun bagaimanapun, tahap amalan statistik perubatan dalam kalangan ahli terapi carakerja masih berada pada tahap yang minima. Jumlah skor soalan sikap adalah 80. Purata skor sikap responden adalah 51.18 ± 6.69 , dengan skor minimum 36 dan skor maksimum 67. Jumlah skor soalan amalan adalah 60. Purata skor amalan responden adalah 33.54 ± 10.17 , dengan skor minimum 15 dan skor maksimum 60 (Jadual 2).

Hubungkait Di Antara Sikap Dan Amalan Terhadap Penggunaan Statistik Perubatan

Ujian korelasi Pearson telah dijalankan untuk mengkaji hubungkait antara sikap dan amalan para responden terhadap statistik perubatan. Berdasarkan kepada Jadual 3 yang menunjukkan nilai korelasi koefisien Pearson $r=0.331$ ($p=0.001$), kajian ini mendapati bahawa terdapat korelasi linear positif dan signifikan antara sikap dan amalan dalam penggunaan statistik perubatan (Jadual 3).

JADUAL 1. Taburan data demografik responden

	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina		
Perempuan	46	43.4
Lelaki	60	56.6
Umur		
20-30	76	71.7
≥31	30	28.3
Jawatan di tempat kerja		
U29	66	62.3
U32	13	12.3
U36	6	5.7
U40	2	1.9
U41	18	17.0
U44	1	0.9
Tahun pengalaman klinikal		
0-6	69	65.1
≥7	37	34.9
Pengajian tahap tertinggi		
Diploma	76	71.7
Ijazah sarjana muda ke atas	30	28.3

JADUAL 2. Analisis deskriptif dan konsistensi dalaman soal selidik sikap dan amalan terhadap penggunaan statistik perubatan

Parameter	Min	Sisihan Piawai	Kepencongan	Ralat piawai kepencongan	Alfa Cronbach
Sikap	51.18	6.694	0.206	0.235	0.803
Amalan	33.53	10.17	-0.085	0.235	0.941

JADUAL 3. Hubungkait antara jumlah skor sikap dan jumlah skor amalan

Parameter	Ujian	Sikap	Amalan
Sikap	Korelasi Pearson	1	0.331**
	Sig. (2 hujung)	-	0.001
Amalan	Korelasi Pearson	0.331**	1
	Sig. (2 hujung)	0.001	-

** Korelasi signifikan pada tahap $p < 0.01$ (2 hujung).

PERBINCANGAN

Sikap Ahli Terapi Carakerja Terhadap Penggunaan Statistik Perubatan

Majoriti responden mempunyai sikap yang agak positif terhadap statistik perubatan. Semakin

tinggi skor dalam bahagian ini menunjukkan sikap seseorang yang semakin positif terhadap statistik perubatan. Antara 106 responden dalam kajian ini, 88% responden bersetuju dan mengiktiraf kepentingan penggunaan statistik dalam bidang klinikal masing-masing. Sebanyak

80% responden turut menyokong bahawa pemahaman dalam statistik perubatan boleh membimbing seseorang ahli terapi carakerja dalam membuat keputusan klinikal. Selaras dengan hasil kajian-kajian lepas, rata-rata responden dari pelbagai latar belakang kesihatan, termasuk farmasi, jururawat, doktor dan doktor pergigian memandang positif dan merasakan adalah penting untuk memahami konsep statistik untuk menjadi pembaca celik kesusasteraan perubatan.

Walaupun tidak digariskan dalam objektif kajian ini, penelitian harus juga dilakukan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap seseorang terhadap statistik perubatan. Pada pandangan penyelidik, faktor-faktor dalaman seperti minat terhadap perangkaan, keinginan untuk menambah baik kemahiran yang sedia ada, keinginan sokongan rakan sekerja, serta tahap motivasi untuk belajar statistik selepas menceburi bidang pekerjaan akan mempengaruhi sikap seseorang. Satu kajian yang melibatkan jururawat di Iran telah menggariskan tiga cabang tema utama yang mempengaruhi pandangan dan penggunaan statistik dalam perkhidmatan (Mehrdad et al. 2008). Pertamanya, faktor persendirian. Penggunaan statistik dalam perkhidmatan dipengaruhi oleh nilai, sikap, pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada dalam diri seseorang. Kedua, kepercayaan sejagat. Untuk merealisasikan amalan berasaskan penyelidikan, penyelidikan haruslah bersepadu dengan segala sistem, ideologi, kaedah rawatan dan persefahaman terlebih dahulu. Ketiga, komitmen seseorang. Komitmen ini termasuklah sikap yang positif dan kesediaan seseorang untuk mengikuti perkembangan semasa.

Amalan Ahli Terapi Carakerja Dalam Statistik Perubatan

Majoriti responden mempunyai amalan yang sederhana dalam statistik perubatan. Apabila diteliti, seramai 51% responden mengatakan mereka jarang membaca sekurang-kurangnya satu jurnal artikel setiap bulan. Seramai 61% responden mengatakan mereka tidak dapat memahami istilah statistik yang biasa didapati dalam artikel jurnal seperti sisihan piawai, nilai p , dan selang keyakinan. Hanya 16% responden mempunyai amalan atau penglibatan yang kerap dan konsisten dalam menggunakan statistik perubatan dalam bidang klinikal. Hasil kajian Waine et al. (1997) merumuskan kebanyakan ahli terapi carakerja di Alberta menghabiskan

kira-kira 1.5 jam seminggu membaca jurnal. Mengambil contoh daripada profesion lain, Khaliq et al. (2012) mendapati sebanyak 52.9% doktor perubatan membaca kurang daripada 5 artikel seminggu dan Khan et al. (2009) mendapati bahawa hanya 47.1% pegawai perubatan yang berminat dalam penyelidikan perubatan.

Beberapa faktor luaran dilihat boleh mempengaruhi amalan ahli terapi carakerja terhadap statistik perubatan dalam konteks negara Malaysia. Faktor pertama ialah limitasi dalam penglibatan penyelidikan di tempat kerja. Faktor kedua ialah kurangnya penubuhan kelab jurnal dan perbincangan kajian kes berbentuk jurnal artikel di unit masing-masing. Faktor ketiga ialah keserasian kurikulum dan pengajaran statistik di universiti atau kolej dengan keperluan persendirian mahupun keperluan klinikal masa kini. Kenyataan ini turut disokong oleh beberapa kajian di luar negara (Fielding et al. 2015; Herman et al. 2007; Khaliq et al. 2012; Khan et al. 2009; Mehrdad et al. 2008; Waine et al. 1997). Hasil kajian ini mencadangkan dan menekankan keperluan penambahbaikan latihan dan pengajaran statistik perubatan yang sedia ada di peringkat kolej, universiti, mahupun tempat kerja.

Hubungkait Sikap Dan Amalan Ahli Terapi Carakerja Dalam Statistik Perubatan

Didapati bahawa terdapat korelasi positif yang bererti di antara sikap dan amalan penggunaan statistik perubatan. Dengan kata lain, semakin positif sikap seseorang, semakin tinggi amalan seseorang dalam penggunaan statistik perubatan. Ahli terapi carakerja yang mempunyai sikap lebih positif terhadap statistik perubatan berpotensi untuk menjadi lebih bersemangat untuk mencari maklumat berbentuk penyelidikan. Sikap yang positif turut memaparkan keyakinan diri seseorang terhadap kebolehan memahami dan mengkritik analisis statistik dalam jurnal artikel. Sememangnya, sikap yang baik akan mendorong seseorang mempunyai amalan yang baik dengan merujuk dan memahami lebih banyak maklumat yang dipaparkan dalam sesebuah jurnal artikel. Terdapat juga kajian yang menunjukkan penaakulan sebaliknya. Penglibatan wajib dalam kelab jurnal mingguan dalam kalangan pelatih perubatan di Karachi, Pakistan telah menunjukkan peningkatan dari segi pengetahuan dengan mengetahui perkembangan kajian semasa, kemahiran dan keyakinan dalam

penilaian kritis serta tingkah laku iaitu peningkatan tabiat bacaan jurnal (Akhund & Kadir 2006).

Cadangan Untuk Kajian Masa Depan

Pada masa hadapan, kajian ini mencadangkan pengajian kesahihan konstruk menggunakan analisis faktor untuk menentukan kesahihan konstruk soal selidik sikap dan amalan soal selidik. Seterusnya, kajian ini juga boleh direplikasi menggunakan profession lain dalam bidang sains kesihatan seperti ahli fisioterapi, ahli terapi pertuturan, audiologi, optometri dan banyak lagi untuk mengetahui sikap dan amalan pengamal sains kesihatan secara menyeluruh.

KESIMPULAN

Majoriti responden mempunyai amalan yang agak minima. Terdapat korelasi positif yang signifikan antara sikap dan amalan ahli terapi carakkerja terhadap statistik perubatan. Langkah-langkah untuk mengintegrasikan statistik perubatan dalam amalan kerja klinikal perlulah diperhalusi dalam kajian pada masa hadapan. Untuk meningkatkan lagi penggunaan statistik perubatan dalam amalan kerja seharian, kajian lanjutan bagi mengenalpasti strategi untuk menggalakkan penggunaan statistik perubatan amatlah digalakkan untuk memastikan kelangsungan profesion dalam era globalisasi ini.

RUJUKAN

- Abrizah, A. 2016. Performance of Malaysian Medical Journals. *Malaysian Journal of Medical Sciences* 23(2): 1-5.
- Akhund, S. & Kadir, M. M. 2006. Do Community Medicine Residency Trainees Learn through Journal Club? An Experience from a Developing Country. *BMC medical education* 6(1): 1.
- Betty, R. K. & Jonathan, A. 2003. *Essential Medical Statistics*. Kirkwood and Jonathan AC Sterne: Blackwell Science Ltd.
- Bookstaver, P. B., Miller, A. D., Felder, T. M., Tice, D. L., Norris, L. B. & Sutton, S. S. 2012. Assessing Pharmacy Residents' Knowledge of Biostatistics and Research Study Design. *Annals of Pharmacotherapy* 46(7-8): 991-999.
- Dodge, Y. 2006. *The Oxford Dictionary of Statistical Terms*. Oxford University Press on Demand.
- Fielding, S., Poobalan, A., Prescott, G., Marais, D. & Aucott, L. 2015. Views of Medical Students: What, When and How Do They Want Statistics Taught? *Scottish Medical Journal* 60(4): 164-169.
- Herman, A., Notzer, N., Libman, Z., Braunstein, R. & Steinberg, D. M. 2007. Statistical Education for Medical Students—Concepts Are What Remain When the Details Are Forgotten. *Statistics in Medicine* 26(23): 4344-4351.
- Khaliq, M. F., Noorani, M. M., Siddiqui, U. A. & Anwar, M. 2012. Physicians Reading and Writing Practices: A Cross-Sectional Study from Civil Hospital, Karachi, Pakistan. *BMC Medical Informatics and Decision Making* 12(1): 1-8.
- Khan, H., Khan, S. & Iqbal, A. 2009. Knowledge, Attitudes and Practices around Health Research: The Perspective of Physicians-in-Training in Pakistan. *BMC medical education* 9(1): 1.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educ psychol meas*
- Mehrdad, N., Salsali, M. & Kazemnejad, A. 2008. Iranian Nurses' Attitudes toward Research Utilisation. *Journal of Research in Nursing* 13(1): 53-65.
- Norazida, I. & Hasnah, A. 2013. Kepentingan Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Dalam Pertumbuhan Wilayah Di Malaysia. *Prosiding PERKEM VIII, Jilid 2* (2013) 796 - 805 ISSN: 2231-962X, hlm.
- Scheutz, F., Andersen, B. & Wulff, H. R. 1988. What Do Dentists Know About Statistics? *European Journal of Oral Sciences* 96(4): 281-287.
- Waine, M., Magill-Evans, J. & Pain, K. 1997. Alberta Occupational Therapists' Perspectives on and Participation in Research. *Canadian Journal of Occupational Therapy* 64(2): 82-88.
- Windish, D. M., Huot, S. J. & Green, M. L. 2007. Medicine Residents' Understanding of the Biostatistics and Results in the Medical Literature. *Jama* 298(9): 1010-1022.
- Wulff, H. R., Andersen, B., Brandenhoff, P. & Guttler, F. 1987. What Do Doctors Know About Statistics? *Statistics in Medicine* 6(1): 3-10.

HANIF FARHAN MOHD RASDI*
KUA JEE MIN

Program Terapi Carakerja
Pusat Rehabilitasi Dan Keperluan Khas
Fakulti Sains Kesihatan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur

*Corresponding author: hanif_ot@ukm.edu.my